



KENYATAAN AKHBAR
BAGI TINDAKAN PENGUATKUASAAN MELIBATKAN 14 PENGHUNI
TAPAK WAKAF ABDUL CAUDER ATAS TANAH LOT 208, SEKSYEN 2,
JALAN MENGGUANG, BUTTERWORTH, DAERAH SEBERANG PERAI
UTARA, PULAU PINANG

Tanah Wakaf Masjid Abdul Cauder terletak di atas Lot 208 Seksyen 2, SPU seluas 2.7 ekar di Jalan Mengkuang Butterworth. Tanah tersebut telah diwakafkan oleh Kavana Ebrahim @ Burong pada tahun 1892 melalui satu Surat Ikatan Amanah bertarikh 17.8.1892 dan 'Order in Council' yang berkaitan telah didaftarkan secara sempurna (Lot 208, Seksyen 2, Butterworth, Seberang Perai Utara).

Terdapat 46 penyewa tapak yang tinggal di atas tanah tersebut dan mereka membayar kadar sewa tapak yang paling minimum RM2.00 dan paling maksimum RM30.00 sebulan.

Pihak MAINPP sebagai pemegang amanah harta wakaf di negeri Pulau Pinang dengan penuh rasa tanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan amanah pewakaf dapat dilaksanakan dengan sebaiknya serta memberi manfaat yang lebih besar kepada ummah telah mula membuat perancangan serta berusaha mendapatkan peruntukan bagi pembangunan hartanah wakaf ini sejak belasan tahun yang lalu.

Sehinggalah pada tahun 2010, pihak Jabatan Wakaf, Zakat & Haji (JAWHAR) telah memperuntukkan sejumlah RM50 juta bagi pembangunan

di atas lot tanah tersebut. Berdasarkan perancangan awal, sejumlah 470 unit Rumah Pangsa Kos Sederhana Rendah 22 tingkat telah dirancang untuk dibina bagi tujuan penempatan semula sejumlah 46 penduduk yang terlibat di samping memberi peluang untuk lebih ramai masyarakat Islam menghuni di atas tanah wakaf.

Bagi maksud menjaga hak-hak harta wakaf dan tanpa mengabaikan kepentingan dan kebajikan semua pihak terlibat, pihak MAINPP telah berbincang dan mengemukakan tawaran sebagaimana berikut kepada semua penduduk terlibat :-

- i. Tawaran Rumah Ganti Rumah dengan keluasan 1,000 k.p setiap unit.
- ii Bayaran Sewa Rumah Sementara iaitu sejumlah RM500.00 sebulan bagi tempoh masa sehingga rumah ganti yang baru disiapkan.
- iii Bayaran Elaun Pindah Keluar sejumlah RM4,000.00 dan bayaran Elaun Pindah Masuk sejumlah RM3,500.00. Bagi keluarga kembangan hanya bayaran Elaun Pindah Keluar sejumlah RM4,000.00 ditawarkan.

Tawaran rasmi telah diberikan kepada semua penduduk terlibat pada 15 September 2010. Pada ketika itu 32 daripada 46 keluarga penduduk yang terlibat telah menerima tawaran MAINPP serta memberi kerjasama penuh dengan menandatangani Surat Tawaran Penyelesaian dan Perjanjian Penyelesaian dan seterusnya telah berpindah secara aman.

Namun begitu, terdapat 14 penduduk yang masih berdegil dan terus membuat tuntutan yang tidak dapat ditunaikan oleh MAINPP. Pihak MAINPP berpendirian, sebarang pertimbangan yang melebihi daripada apa yang telah ditawarkan, adalah suatu yang tidak wajar dan menjejaskan hak-hak dan kepentingan bagi harta wakaf berkenaan.

Memandangkan perundingan dengan 14 penduduk yang ingkar gagal menemui jalan penyelesaian maka MAINPP terpaksa memulakan tindakan perundangan kepada baki 14 penduduk yang berkenaan bermula pada 6 April 2011. Satu Penghakiman bertarih 28 Februari 2014 telah diberikan oleh Mahkamah berkenaan dengan kes ini.

Proses menuntut keadilan untuk harta wakaf ini telah berlarutan di antara MAINPP dan juga waris pewakaf sehinggalah waris pewakaf memfailkan satu tindakan di Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang. YA Mohammad Zamri Bin Roslan telah memutuskan bahawa Muhamad Amin bin Abdul Rahman adalah waris yang sah kepada Kavana Ebrahim @ Burong melalui keturunan Abdul Cauder di mana ayahnya adalah Abdul Rahman bin Haji Aboo Bakar pada 21 Mac 2012 .

Selanjutnya satu Penghakiman Persetujuan telah direkodkan di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang di hadapan Dato' Rosilah Binti Yop oleh Muhamad Amin bin Abdul Rahman pada 29 Jun 2016 iaitu waris keturunan pewakaf dalam kes ini. Beliau telah bersetuju menandatangani Penghakiman Persetujuan yang mana terjumlah kepada satu penyelesaian penuh, muktamad serta akhir dengan MAINPP, yang mana di dalam Penghakiman Persetujuan tersebut telah menyatakan:

i. Muhamad Amin hendaklah memberi kepada MAINPP bagi Premis No.3304, Jalan Mengkuang, 12200 Butterworth yang terletak di atas tanah Lot 208, Sek.2, Butterworth, Pulau Pinang tersebut dalam tempoh tiga (3) minggu dari tarikh penerimaan notifikasi daripada MAINPP secara bertulis bahawa kunci-kunci rumah-rumah ganti di Projek Teluk Air Tawar sedia untuk diberikan dan Sijil Penghunian untuk rumah-rumah tersebut telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkenaan.

ii. Sebagai balasan, MAINPP hendaklah memberi tiga (3) unit rumah pangsa di lokasi pembangunan Jalan Mengkuang atau Projek Teluk Air Tawar menurut syarat-syarat dan terma-terma dalam Surat Tawaran Penyelesaian dan Surat Akuan Perimaan Tawaran dan Perakuan.

iii. Sekiranya Muhamad Amin gagal untuk menyerahkan Premis dan Tanah pada tarikh pemberian kosong seharusnya diberikan atau berterusan menghuni dengan memungkiri syarat-syarat Penghakiman Persetujuan, MAINPP berhak memulakan prosiding pelaksanaan serta merta.

Manakala penduduk yang lain masih lagi merayu untuk diberi tempoh masa untuk berpindah. Namun setiap peluang yang diberikan telah dimungkiri oleh penduduk. Begitu juga dengan proses tuntutan di Mahkamah yang terpaksa difailkan semula bagi membuat tuntutan milikan kosong.

Pihak MAINPP telah memfailkan satu tindakan guaman di Mahkamah Sesyen, Butterworth dan telah berjaya mendapat Penghakiman yang bertarikh 28 Februari 2014. Berdasarkan penghakiman tersebut, pihak MAINPP telah memfailkan satu Writ Milikan pada 10 Februari 2015. Pelaksanaan milikan kosong telah ditetapkan pada 9 & 10 April 2015. Walau bagaimanapun, pelaksanaan tersebut telah ditarik balik dengan kebebasan untuk memfailkan semula kerana masih memberi peluang kepada penduduk.

Seterusnya pada 10 Disember 2015, MAINPP telah memfailkan Writ Milikan kali kedua dan Mahkamah telah menetapkan 28 Januari 2016 sebagai tarikh pelaksanaan. Walau bagaimanapun, Mahkamah telah menangguhkan pelaksanaan tersebut kepada satu tarikh yang baru di atas sebab MAINPP masih memberi peluang kepada penduduk untuk berpindah.

Seterusnya, satu Perintah Mahkamah telah dipohon oleh pihak MAINPP bagi menangguhkan pelaksanaan tersebut pada 10 Februari 2016 sehingga 9 Februari 2017 bagi memberi ruang untuk MAINPP menyelesaikan hal-hal yang berbangkit dengan penduduk. Walau bagaimanapun, di atas sebab penyelesaian masih belum dapat dimuktamadkan maka MAINPP telah memohon budi bicara daripada Mahkamah untuk melanjutkan tempoh penangguhan pelaksanaan sehinggalah pada 9 Februari 2018. Tempoh selama dua (2) tahun ini masih belum dapat menyelesaikan pertikaian yang berlaku sehinggalah MAINPP mengambil keputusan untuk menarik semula Writ Milikan tersebut dengan kebebasan memfailkan semula pada 18 Januari 2018.

Di atas dasar MAINPP masih mahu melaksanakan hasrat dan amanah pewakaf, MAINPP tekad memfailkan semula Writ Milikan kosong untuk kali ketiga pada 21 Jun 2018, dan Mahkamah telah menetapkan 17 Disember 2018 sebagai tarikh pelaksanaan bagi mendapatkan milikan kosong. Pihak MAINPP telah membuat serahan/tampalan Notis di premis-premis yang terlibat pada 6 Disember 2018 bersama Bailif Mahkamah. Walau bagaimanapun, hasil perbincangan bersama wakil penduduk yang masih mahu meneruskan perundingan, MAINPP telah memohon penangguhan daripada Mahkamah sehingga 28 Januari 2019.

Melalui arahan Mahkamah, tarikh pelaksanaan tersebut telah diganti dengan tarikh penyerahan/penampalan Notis kali kedua kepada penduduk-penduduk yang ingkar. Mahkamah selanjutnya menetapkan 14 Februari 2019 sebagai tarikh pelaksanaan milikan kosong ke atas 13 buah premis penduduk yang ingkar. Dengan bantuan Bailif Mahkamah dan semua agensi kerajaan yang terlibat, pelaksanaan milikan kosong tersebut telah dilaksanakan pada 14, 15 dan 18 Februari 2019. Mahkamah telah memberikan milikan kosong secara sah kepada pihak MAINPP melalui peguam panel MAINPP, Tetuan Presgrave & Matthews.

Di atas dasar perikemanusiaan dan memudahkan penduduk untuk berpindah ke rumah sewa mereka, MAINPP telah memberi ruang sehingga 24 Februari 2019 jam 12 tengahari untuk penduduk mengosongkan barangan mereka daripada premis-premis berkenaan.

Pada 25 Februari 2019, MAINPP masuk ke tanah tersebut untuk menjalankan tindakan perobohan serta memotong bekalan air dan elektrik. Walau bagaimanapun, MAINPP telah dihalang oleh penduduk-penduduk

yang masih ingkar untuk keluar. Pada 26 Februari 2019, MAINPP masuk semula ke tapak tersebut untuk kali kedua dan telah berjaya merobohkan 6 buah premis yang terlibat dan pihak MAINPP terpaksa menghentikan tindakan perobohan tersebut di atas faktor keselamatan setelah mendapat ancaman keselamatan dan halangan daripada penduduk-penduduk.

Pada 7 Mac 2019, MAINPP memasuki tapak untuk kali ketiga bagi menjalankan tindakan perobohan dengan bantuan daripada semua agensi kerajaan yang terlibat dan telah berjaya untuk merobohkan 7 buah lagi premis-premis tersebut. Premis yang terakhir iaitu premis yang keempat belas (14) dijangka akan dirobohkan dalam masa terdekat dengan kehadiran Bailif Mahkamah, pihak MAINPP dan agensi-agensi yang terlibat.

Dalam insiden pada 7 Mac yang lalu, empat orang pegawai MAINPP telah mengalami kecederaan ringan akibat dihalang oleh penduduk dalam melaksanakan tugas mereka sebagai penjawat awam. Seorang anggota polis turut mengalami kecederaan serius akibat dipijak oleh seorang penduduk disitu.

MAINPP terpaksa meneruskan tindakan ini apabila setiap pertimbangan yang MAINPP berikan telah dieksploitasi oleh penduduk untuk terus menentang MAINPP disamping membuat provokasi kepada masyarakat untuk membenci dan menolak semua usaha yang dibuat untuk kepentingan harta wakaf di situ. Di samping itu, MAINPP telah mengambil masa lebih 8 tahun untuk menangani isu penduduk kampung yang masih berdegil. Telah begitu banyak ruang masa diberikan kepada penduduk namun mereka masih berdegil untuk meninggalkan premis masing-masing.

Pihak MAINPP terpaksa membelanjakan jutaan ringgit bagi menguruskan sewaan rumah kepada 32 penduduk yang telah setuju untuk berpindah sejak 8 tahun lalu. Malahan MAINPP pada masa ini terpaksa menanggung kos pembinaan yang tinggi memandangkan pembinaan rumah pangsa di tapak tersebut masih belum dapat dibuat dan kos pembinaan telah meningkat berkali ganda berbanding lapan tahun dahulu. Hal ini telah memberi kesan yang besar dan mendatangkan kerugian terhadap harta wakaf ummat Islam khususnya.

Pelaksanaan tindakan perobohan pada 7 Mac lalu adalah jalan terakhir yang terpaksa diambil oleh MAINPP untuk memastikan peranan dan tanggungjawab MAINPP sebagai pemegang amanah harta wakaf di negeri ini boleh terus dilaksanakan. Pihak MAINPP beranggapan setiap halangan daripada baki 14 penduduk yang terlibat termasuklah seorang waris keturunan pewakaf merupakan suatu tindakan dan tuntutan yang tidak berasas dan bertujuan memuaskan kepentingan diri sendiri berbanding usaha serta amanah yang perlu dilaksanakan oleh MAINPP bagi mengutamakan kepentingan keseluruhan ummat Islam di negeri Pulau Pinang.

Pihak MAINPP telah melalui proses perundangan yang panjang bagi menuntut keadilan bagi harta wakaf berkenaan namun sehingga kini masih ditentang oleh pihak berkenaan yang lebih mengutamakan kepentingan diri.

Sepanjang lebih 3 minggu MAINPP cuba menyelesaikan isu ini secara berhemah serta telah beberapa kali menangguhkan pelaksanaan perintah Mahkamah demi menjaga dan melayan permintaan penduduk, namun

semuanya telah disia-siakan oleh penduduk yang cuba memanipulasi ruang dan peluang yang telah diberikan.

Sepanjang tempoh ini, sebagai usaha menangani isu ini dengan penuh berhemah, MAINPP telah cuba memberi bantuan sewajarnya kepada semua penduduk yang terlibat sebagaimana berikut:-

1. Menyediakan kemudahan rumah sewa.
2. Menyediakan kemudahan tenaga kerja angkat barang.
3. Menyediakan kemudahan pengangkutan lori barang untuk berpindah.
4. Membuat bayaran deposit sewa rumah kepada penduduk.
5. MAINPP telah menjelaskan bayaran sejumlah RM4,000 sebagai kos pindah kepada setiap keluarga terlibat.
6. Menyalurkan bantuan kewangan melalui sumber zakat bagi kategori yang layak.
7. Memberi ruang masa kepada penduduk termasuk memberi peluang kepada penduduk memasuki perjanjian penyelesaian dengan MAINPP.

Namun semua layanan baik dan keistimewaan yang diberikan ini telah disia-siakan oleh semua penduduk.

Setiap layanan baik daripada MAINPP dan pihak berkuasa sebelum ini telah dibalas oleh penduduk dengan maki hamun tanpa had sempadan. Pihak penduduk walaupun telah memberi akujanji penyelesaian dengan aman berkenaan perkara ini, sebaliknya telah membuat laporan palsu kepada pihak polis. Begitu juga waris keturunan pewakaf yang telah memasuki Penghakiman Persetujuan dengan MAINPP beberapa tahun lalu telah melantik peguam bagi menentang hak-hak MAINPP sebagai

pemegang amanah harta wakaf ini. Pihak penduduk telah mengambil bayaran wang kos pindah yang diberikan oleh MAINPP tapi malangnya telah membuat tohmahan kepada MAINPP melalui laporan polis yang dibuat serta menghalang tindakan MAINPP untuk merobohkan premis sebagaimana yang dipersetujui sebelum ini.

Kepada pihak yang tidak tahu menahu asas kepada tindakan MAINPP serta memberi sokongan kepada pihak penduduk pada ketika ini bolehlah menilai setiap usaha yang diambil selama ini oleh MAINPP serta sikap penduduk sendiri pada ketika ini yang cuba mengeksploitasi situasi serta memperdaya pelbagai pihak untuk kepentingan diri.

Pihak MAINPP mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua agensi yang terlibat terutama kepada pihak PDRM yang sejak dari awal telah bertindak secara profesional bagi mendepani ancaman dan halangan daripada pihak penduduk serta mengoptimumkan usaha dalam menjaga ketenteraman awam di tanah wakaf tersebut.

9 MAC 2019
YBHG. DATO' HAJI ABDUL MALIK BIN ABUL KASSIM
YANG DIPERTUA
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG